

NOTIS PEMBERITAHUAN**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**
**PERMOHONAN PENGANJUR BAZAR RAMADHAN
TAHUN 1441H / 2020M**
TARIKH PERMOHONAN**16 REJAB 1441H / 11 MAC 2020M HINGGA 30 REJAB 1441H / 25 MAC 2020M****SYARAT-SYARAT PERMOHONAN****SYARAT KHUSUS****A) TANAH PERSENDIRIAN**

1. Permohonan terbuka kepada syarikat yang berdaftar dengan SSM atau persatuan yang berdaftar dengan ROS atau dari mana-mana badan yang diiktiraf oleh kerajaan sahaja seperti Jabatan Agama Islam NS, Management Corporation.
2. Mengemukakan salinan pendaftaran syarikat atau Laporan Mesyuarat Agong Tahunan yang terkini beserta senarai Ahli Jawatankuasa yang dilantik dan Penyata Kewangan terkini.

B) TANAH KERAJAAN

1. Permohonan dibuka kepada Persatuan/Pertubuhan/NGO yang berdaftar dengan ROS atau dari mana-mana badan yang diiktiraf oleh kerajaan sahaja seperti Jabatan Agama Islam NS, Management Corporation.
2. Mengemukakan salinan Laporan Mesyuarat Agong Tahunan yang terkini beserta senarai Ahli Jawatankuasa yang dilantik dan Penyata Kewangan terkini.

SYARAT UMUM

1. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui borang yang ditetapkan
2. Setiap pemohon hanya dibenarkan mengemukakan **1 permohonan sahaja**
3. Penganjur hendaklah mengemukakan jadual kadar bayaran yang akan dikenakan kepada peniaga Bazar Ramadhan dan cadangan pelan susutur petak beserta dengan nombor petak perniagaan yang ditandakan.
4. Penganjur hendaklah mengemukakan jadual kadar bayaran yang akan dikenakan kepada peniaga Bazar Ramadhan dan cadangan plan tata atur tapak beserta dengan nombor petak perniagaan yang ditandakan.
5. Setiap penganjur yang berjaya/dipilih oleh pentadbiran Majlis akan dikenakan bayaran penganjuran sebanyak RM1,000.00.
6. Deposit penganjuran dikenakan seperti berikut :

Bil	Bilangan Petak	Deposit (RM)
1.	50 Petak dan ke bawah	1,000.00
2.	51 Petak dan ke atas	2,000.00

7. Pihak penganjur dikehendaki menyediakan pemberitahuan yang sekurang-kurangnya bersaiz 20' (p) x 4' (l) yang mengandungi maklumat berkaitan penganjuran serta dipasang di pintu masuk Bazar Ramadhan.

8. Penganjur hendaklah menyediakan khemah urusetia dan penganjur hendaklah ada ditapak setiap waktu bazar ramadhan beroperasi.
9. Penganjur hendaklah bertanggungjawab terhadap kutipan sampah dan kebersihan tapak jualan selepas waktu perniagaan. Sampah hendaklah dikumpulkan di tempat yang telah ditetapkan
10. Penganjur hendaklah bertanggungjawab terhadap keselamatan pengunjung dan peniaga semasa aktiviti perniagaan beroperasi serta kawalan lalulintas menggunakan khidmat anggota RELA. Pelan aliran trafik juga perlu dikemukakan untuk menentukan kelancaran lalulintas.
11. Penganjur diminta menetapkan satu hari luntuk mengundi tapak peniaga-peniaga yang disaksikan oleh MBS.
12. Penganjur mestilah warganegara Malaysia dan beralamat di dalam kawasan pentadbiran MBS.
13. Sekiranya didapati penganjur GAGAL dalam melaksanakan tanggungjawab dan melanggar syarat yang ditetapkan, Majlis boleh mengambil tindakan seperti berikut :-
 - a) Menarik balik permit penganjur dan penganjur dikehendaki membuka semua peralatan/kanopi di lokasi.
 - b) Bayaran Deposit tidak akan dikembalikan.
 - c) Majlis boleh untuk membuka dan mengosongkan kawasan tersebut.

Cara memohon :

Borang permohonan boleh didapati secara percuma kaunter :

- i. a) Jab. Pembersihan & Kesihatan Persekitaran, Majlis Bandaraya Seremban, Tingkat Bawah, Wisma Bandaraya , Lot 24392, Persiaran Forest Heights 1, Jalan Seremban Tampin, 70450 Seremban, NSDK
- b) Jab. Pembersihan Dan Kesihatan Persekitaran, Majlis Bandaraya Seremban, No. 1, Kompleks Pentadbiran Kerajaan, Persiaran Pusat Bandar, Putra Nilai, 71800 Nilai, NSDK .(Kauunter No. 10)

Atau

- c) Muat turun dari laman sesawang Majlis Bandaraya Seremban www.mbs.gov.my dan dicetak menggunakan kertas berwarna Hijau muda.
- ii. Bayaran Proses Sebagai Penganjur adalah **RM20.00**
- iii. Borang Permohonan hendaklah ditandatangani, dicop dan disertakan dengan semua dokumen yang dikehendaki seperti syarat-syarat permohonan dan dihantar ke alamat seperti para (i (a) / (ii (b)) di atas **sebelum tarikh tutup permohonan.**
- iv. Borang Permohonan Yang Tidak Lengkap Diisi/Tidak Memenuhi Syarat Akan Ditolak.

**JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**